

Tutup supaya Selamat



Hanif dan adiknya suka menunggang basikal di halaman rumah mereka. Pada suatu hari, Hanif telah terjatuh semasa menunggang basikal. Lutut Hanif terluka. Ayahnya, Encik Salim mendapati longkang itu perlu ditutup.

Encik Salim telah memasang penutup longkang. Penutup longkang itu diperbuat daripada bahan yang kukuh. Pemasangannya juga dilakukan dengan kemasnya. Beliau berharap agar kemalangan tersebut tidak berulang lagi. Kini, Hanif dan adiknya boleh menunggang basikal dengan selamatnya.



Kita perlu memasang penutup longkang untuk mengelakkan daripada jatuh ke dalam lubang longkang.

Nilai murni yang ditunjukkan oleh Encik Salim ialah, beliau seorang yang bertanggungjawab dan prihatin serta amat menitik berat akan keselamatan ahli keluarganya.

Longkang yang tidak ditutup boleh menyebabkan kemalangan.

Pada pendapat saya, ciri-ciri penutup longkang yang selamat ialah ia mesti diperbuat daripada bahan yang kukuh dan pemasangannya juga harus dilakukan dengan kemas.

Punca Hanif terjatuh ialah kerana lubang longkang terbuka dan menyebabkan tayar basikalnya masuk ke dalam lubang longkang.

1. Apakah bahayanya longkang yang tidak ditutup?

2. Mengapakah kita perlu memasang penutup longkang?

3. Bolehkah kamu jelaskan punca Hanif terjatuh?

4. Pada pendapat kamu, apakah ciri-ciri penutup longkang yang selamat?

5. Apakah nilai murni yang ditunjukkan oleh Encik Salim?
